

SULIT
02/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Percubaan PMR
Ogos 2011
1 jam

02/1

Nama :

Tingkatan :



JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN



PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH
2011

BAHASA MELAYU KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Berfikirilah dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang tidak dikehendaki itu sehingga bersih dan kemudian hitamkan pilihan anda yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

02/1 2011 MPSM

[Lihat sebelah
BM 3_1 P_PMR 2011

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Pasangan pengantin diraja itu didudukkan di atas _____ sebelum upacara merenjis air mawar dijalankan.
 - A singgahsana
 - B peterana
 - C mahligai
 - D istana

- 2 Beberapa orang pelayan hotel sedang sibuk _____ makanan kerana majlis makan malam itu akan bermula tidak lama lagi.
 - A meletakkan
 - B menyiapkan
 - C menyediakan
 - D menghidangkan

- 3 Kanak-kanak mangsa culik itu kelihatan _____ ketika menceritakan kejadian yang dialami kepada anggota polis yang menemukannya setelah berjaya melarikan diri daripada penculik.
 - A terkapah-kapah
 - B terkatah-katah
 - C terkapai-kapai
 - D terkapa-kapa

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Kudin tidak cemerlang dalam pelajaran _____ kegemarannya menghabiskan masa dengan menghadap permainan komputer.
- A oleh kerana
 - B oleh sebab
 - C adalah
 - D maka
- 5 Kaedah _____ tanah yang terbiar di kampung itu pasti akan dapat mendatangkan pelbagai faedah kepada penduduk sekitar.
- A baik pulih
 - B tebus guna
 - C terima pakai
 - D kitar semula
- 6 Mayat bayi yang masih bertali pusat itu dijumpai _____ di Sungai Kelantan oleh sekumpulan pemuda yang sedang memancing ikan.
- A terkial-kial
 - B terkapai-kapai
 - C teroleng-oleng
 - D terlambai-lambai

- 7 Beliau sanggup _____ jawatannya itu kepada orang lain jika ada pihak yang tidak menyukainya lagi.
- A memberikan
B melepaskan
C memindahkan
D menggugurkan

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D.

- 8 Amalan menabung boleh melatih anak-anak supaya berjimat cermat dan
berbelanja secara berhemat. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 9 Ibu memasakkan ayah bubur nasi untuk membuka selera ayah yang
sedang mengalami sakit tubuh badan. Tiada kesalahan
- A B
C D
- 10 Gejala rasuah kian leluasa berlaku dalam kalangan penjawat awam
belakangan ini. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 11 Hasrat Pak Cik Badrul memagari kawasan rumahnya dengan tembok agar
tidak dimasuki pencuri tidak kesempaian apabila wang simpanannya
hilang. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- 12 Pertabalan Sultan Ismail Petra disaksikan oleh kaum keluarga diraja dan
orang kenamaan. Tiada kesalahan.
- A B C
D

13 Langkah kerajaan untuk memperkasakan Industri Kecil dan Sederhana

A

(IKS) berdasarkan kepada kejayaan melahirkan usahawan-usahawan

B

baharu. Tiada kesalahan.

C

D

14 Beberapa helai surat aduan tentang kes kecurian di pasar telah dihantar

A

B

kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tiada kesalahan.

C

D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 15 I Anggota komunis telah *memendamkan* beberapa butir jerangkap samar untuk mencederakan anggota pasukan keselamatan.
- II Anggamah telah *memendamkan* diri di biliknya sejak dimarahi ibunya kerana sering keluar untuk menunggang motosikal di sekeliling kampung.
- III Ibu mahu memanggang sate lalu *memendamkan* hirisan daging ke dalam perencah.
- IV Akhirnya beliau tidak dapat bersabar lagi kerana sudah terlalu lama *memendamkan* rasa terhadap isu itu.

- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 16 I Terdapat pelbagai aktiviti dalam *bentuk* gengsterisme telah dilakukan oleh remaja pada hari ini.
- II Dua *bentuk* mata kail telah dibeli oleh Pak Majid di Kedai Ikan Aneka sebelum bertolak ke Pantai Tok Bali.
- III Banyak yang tertarik akan kereta Proton Inspira kerana *bentuknya* yang menepati cita rasa golongan muda.
- IV Berkali-kali dia telah *bentuk* besi itu tetapi masih gagal menjadikan sebilah keris.
- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV sahaja
- 17 I Setiap petang Azli akan memasukkan kambing-kambing peliharaannya ke dalam *kandang*.
- II Pada setiap hari raya, Hasnol akan mengunjungi *kandang* al-marhum ayahnya di Parit Panjang.
- III Tiada sesiapa *kandang* kambing kerbaunya.
- IV Seri Rama membawa kijang yang ditangkapnya dengan *kandang* yang diperbuat daripada buluh.
- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan. Jika tiada kesalahan tandakan **D**.

- 18 Turut diundang di dalam majlis itu ialah Pengarah Pelajaran Negeri.
- A Yang turut di undang dalam majlis itu adalah
 - B Yang turut diundang dalam majlis itu ialah
 - C Turut diundang dalam majlis itu ialah
 - D Turut diundang di dalam majlis itu ialah
- 19 Hanya mereka yang ada kena-mengena sahaja dibenarkan masuk ke bilik pengantin itu.
- A Hanya yang berkenaan sahaja
 - B Hanya yang kena-mengena sahaja
 - C Hanya mereka yang berkenaan sahaja
 - D Hanya mereka yang ada kena-mengena sahaja
- 20 Dalam lain perkataan dapat kita bahagikan kepada beberapa bahagian.
- A Dengan perkataan lain
 - B Dengan lain perkataan
 - C Dalam perkataan lain
 - D Dalam lain perkataan
- 21 Pendidikan di rumah oleh ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku anak-anak sama ada di sekolah atau di mana-mana sahaja.
- A sama ada di sekolah atau di mana sahaja.
 - B samada disekolah atau dimana-mana sahaja.
 - C samada di sekolah atau di mana-mana sahaja.
 - D sama ada di sekolah atau di mana-mana sahaja.

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 **“Walaupun sudah lima bulan saya mengenali keluarga Alang tetapi tidak mengetahui dia mempunyai adik perempuan,” kata Cempaka kepada Melati.**

- A Cempaka memberitahu Melati bahawa dia mengenali adik perempuan Alang walaupun sudah lima bulan mereka berkenalan.
- B Cempaka menjelaskan bahawa walaupun sudah lima bulan Melati mengenali keluarga Alang namun dia tidak mengetahui Alang mempunyai adik perempuan.
- C Cempaka memberitahu Melati bahawa walaupun sudah lima bulan mengenali keluarga Alang tetapi dia tidak mengetahui Alang mempunyai adik perempuan.
- D Cempaka menjelaskan bahawa walaupun sudah lima bulan dia mengenali keluarga Alang tetapi dia tidak mengetahui Melati mempunyai adik perempuan.

23 **Fauzi tersentak apabila guru kelas menyergahnya ketika dia sedang asyik berbual-bual dengan rakannya.**

- A Apabila tersentak daripada keasyikan berbual-bual, Fauzi dan rakannya disergah oleh guru kelasnya.
- B Keasyikan Fauzi berbual-bual dengan rakannya menyebabkan guru kelasnya menyergahnya.
- C Ketika Fauzi sedang asyik berbual-bual dengan rakannya, tiba-tiba guru kelasnya menyentakinya menyebabkan pelajar itu menyergah guru kelasnya.
- D Tindakan guru kelas menyergah Fauzi yang sedang leka berbual-bual dengan rakannya menyebabkan pelajar itu terperanjat.

24 Tanpa kelulusan dan ilmu yang mencukupi adalah sukar untuk anak-anak mempunyai masa depan yang cerah apatah lagi hidup pada zaman yang semakin mencabar ini.

- A Hidup pada zaman yang mencabar ini akan sukar untuk anak-anak tanpa kelulusan dan ilmu yang mencukupi.
- B Sukar untuk anak-anak mempunyai masa depan yang cerah pada zaman yang semakin mencabar ini jika kelulusan dan ilmu yang mencukupi.
- C Tiada ilmu dan kelulusan yang mencukupi apatah lagi hidup pada zaman yang mencabar ini membuatkan anak-anak sukar menghadapi masa depan.
- D Masa depan yang sukar akan dilalui oleh anak-anak pada zaman yang mencabar ini jika tiada ilmu dan kelulusan yang mencukupi.

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25
- I Karung guni itu dipenuhi buah-buah durian dari dusun Pak Mail.
 - II Umurnya sudah lanjut justeru itu kecerdasan fizikalnya semakin merosot.
 - III Kami terpaksa mengehendkan penyertaan keahlian kelab secara percuma.
 - IV Perbagai sayur kampung dijual oleh Mak Nani.
-
- A III dan IV sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

SULIT

02/1

- 26 I Penungguan kami untuk mengikuti program lawatan ke Melaka akhirnya mendapat kata putus daripada guru penasihat persatuan.
- II Penyertaan murid-murid dalam aktiviti ko-kurikulum memberi pelbagai impak yang baik kepada mereka.
- III Satu karnival jualan komputer oleh peniaga tempatan sedang dijalankan di pentas legar pusat beli-belah itu.
- IV Setiap orang haruslah melakukan perubahan paradigma agar hidup tidak lagi hanya bergantung pada belas kasihan orang lain.
- A I dan III sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja
- 27 I Tuan Pengetua mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ibu bapa yang telah sudi menghadiri mesyuarat agung pada pagi tadi.
- II Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu termasuklah masalah kemerosotan prestasi pelajar dalam peperiksaan yang lepas.
- III Kita memang menyedari bahawa tanggungjawab yang dipikul oleh guru seharusnya setimpal oleh pendapatan mereka.
- IV Sekumpulan doktor pakar telah menjalankan semula kajian bagi memastikan vaksin baharu itu tidak mendatangkan akibat sampingan.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi soalan-soalan di bawah ini.

- 28 Peribahasa *biar titik jangan tumpah* sesuai dengan situasi
- A Azman sentiasa membawa bekalan nasi ke sekolah.
 - B Mei Lin menanam sayur di tepi rumahnya untuk berjimat cermat.
 - C Muthu memagarkan kebunnya supaya lembu-lembu tidak meragut tanamannya.
 - D Indra lebih suka menggunakan galah daripada menggunakan tangga untuk memetik buah jambu.
- 29 Pak Jusoh selalu menuduh anak orang lain melakukan perbuatan yang tidak senonoh, sedangkan anaknya adalah yang melakukan perbuatan itu.

Sikap yang ditunjukkan oleh Pak Jusoh ini diibaratkan

- A lempar batu sembunyi tangan.
 - B enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.
 - C kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak nampak.
 - D orang lain yang makan nangka, orang lain yang terkena getahnya.
- 30 "Sia-sia sahaja kamu memburuk-burukkan Pak Cik Zahar yang terkenal dengan sikapnya yang pemurah itu. Orang kampung tidak akan percaya kata-kata kamu yang sememangnya tidak senang hati dengannya," ujar Mak Long Timah kepada Pak Abu.
- A Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
 - B Anjing menyalak bukit, bukit tak akan runtuh.
 - C Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.
 - D Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Malam itu Raja Nor Mustaqimah datang ke dalam mimpiku. Dia membawa bunga mawar merah yang cantik dan wangi. Bunga itu dihulurkan kepadaku. Belum sempat aku menyambutnya, dering loceng menghalau Raja Nor Mustaqimah.

Aku terbangun daripada tidur.

Pagi itu, entah kuasa apa yang mendorong aku menelefon Raja Nor Mustaqimah. Suaranya mesra dan lembut. Tidak sedar hampir setengah jam aku bergayut di telefon. Untuk pertama kalinya aku membuang terlalu banyak masaku untuk seorang perempuan. Apakah ertinya ini semua?

Malamnya aku masuk tidur lebih awal daripada hari-hari biasa. Dalam gelap mataku terkebil-kebil tidak mahu terlena. Wajah Raja Nor Mustaqimah terbayang-terbayang. Oh, Tuhan! Penyakit apakah yang sedang menyerangku?

"Dekati perempuan dengan jujur dan berani kalau kamu mahu memperisterikannya. Tetapi jangan hampiri perempuan kalau sekadar mahu berfoya-foya kerana kebanyakan perempuan cukup pandai menghabiskan wang!" Kata-kata Haji Sapudin mengetuk gendang telingaku.

"Mat Jenin abad kedua puluh mesti berani!" Percakapan Cikgu Rosli juga hidup semula dalam ingatanku.

"Ya, aku mesti berani bertindak! Ini juga seperti berniaga, kalau terlambat akan terlepas," fikirku.

Aku bingkas bangun. Jam sebelas setengah malam ketika itu. Aku mencari nombor telefon rumah Raja Nor Mustaqimah.

Hikayat Mat Jenin halaman 105 - 106

31 Berdasarkan petikan siapakah Raja Nor Mustaqimah?

- A Isteri Mat Jenin
- B Kenalan Mat Jenin
- C Setiausaha Mat Jenin
- D Pemberita akhbar Mat Jenin

32 Tindakan Haji Sapudin menasihati Mat Jenin menggambarkan perwatakannya yang

- A berpengalaman luas
- B berpendidikan tinggi
- C berbudi bahasa
- D murah hati

"Ya, aku mesti berani bertindak! Ini juga seperti berniaga, kalau terlambat akan terlepas," fikirku

33 Teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang dalam petikan di atas ialah

- A saspens
- B pemerian
- C imbas kembali
- D monolog dalaman

34. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam cerpen ini?

- A Kita hendaklah belajar bersungguh-sungguh.
- B Orang tua-tua mempunyai pengetahuan yang luas.
- C Seorang lelaki mestilah berani menghadapi sebarang risiko.
- D Kita digalakkan menguasai ilmu dalam bidang yang kita ceburi.

35 Apakah peristiwa yang menunjukkan klimaks dalam cerita *Hikayat Mat Jenin*?

- A Mat Jenin menjadi kaya dan berkahwin dengan Raja Nor Mustaqimah
- B Mat Jenin membuka cawangan restorannya yang ketiga di Bandar K
- C Mat Jenin dan isterinya mendapat seorang anak lelaki
- D Raja Nor Mustaqimah mewawancara Mat Jenin

Soalan 36 - 40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

BAHASA

Mari kita berbahasa
sebaiknya

Mari kita berbahasa
sebaiknya

Bahasa adalah pengatur
pucuk fikiran yang bertabur
bahasa adalah pelentur
ranting perasaan yang bersiur.

Dengan bahasa
budi dipertinggi
mesra diperlebar
dengan bahasa
kita menjadi kita
bersama

Dengan bahasa
terlihat fakta padu
terlihat sinar ilmu
terlihat cinta biru.

Jika tanpa bahasa
bagaimana akan kita setujui
perjanjian ini?

Dengan bahasa
pemimpin memaparkan arah
di pentas siasah,
dengan bahasa
orang beriman menikmati
ibadah
khusyuk dan pasrah.

Mari kita berbahasa
sebaiknya.

Rahman Shaari

Antologi Anak Bumi Tercinta,
DBP, 2001

36 Menurut penyajak, penggunaan bahasa penting dalam

- A politik, agama dan perundangan.
- B perubatan, politik dan teknologi.
- C agama, politik dan perniagaan.
- D pelajaran, politik dan agama.

37 Apakah harapan penyajak terhadap pembaca?

- A Menggunakan bahasa ketika menyampaikan fakta.
- B Membetulkan kesalahan ketika berbahasa.
- C Mendalami penguasaan berbahasa.
- D Berbahasa dengan betul.

38 Ungkapan *ranting perasaan* pada rangkap dua baris empat merupakan unsur gaya bahasa

- A simile
- B sinkop
- C metafora
- D personifikasi

39 ***Bahasa adalah pengatur
pucuk fikiran yang bertabur
bahasa adalah pelentur
ranting perasaan yang bersiur***

Berdasar rangkap di atas, apakah ciri yang membuktikan rangkap ini terikat dengan ciri puisi Melayu tradisional?

- A terdapat pembayang maksud
- B jumlah kata dalam baris
- C terdapat jeda
- D rima

40 Yang berikut ini ialah fungsi bahasa seperti yang ditegaskan oleh penyair dalam sajak ini **kecuali**

- A alat untuk mencari ilmu
- B alat untuk meluahkan perasaan
- C alat untuk mendapatkan sumber rezeki
- D alat untuk menunjukkan ketaatan terhadap agama

KERTAS SOALAN TAMAT